

15 JUL 1999

MSIA-PEMULIHAN

KURANGKAN PERGANTUNGAN KEPADA ELEKTRONIK, KATA BEKAS PEGAWAI AS

KUALA LUMPUR, 15 Julai (Bernama) -- Bekas pegawai perdagangan Amerika berkata Malaysia kini teguh dalam landasan pemulihan, tetapi mesti mempelbagaikan asas eksportnya untuk mengurangkan pergantungannya ke atas elektronik.

"Ia adalah asas yang agak sempit bagi pemulihan ekonomi kerana eksport elektronik juga bergantung kepada pasaran Amerika," kata Clyde Prestowitz Jr, Presiden Institut Strategi Ekonomi dari Washington.

Juga, "seolah-olah setiap negara di dunia ini mahu menjadi pengeksport elektronik," katanya kepada sidang media hari ini selepas lawatan empat hari ke Malaysia di mana beliau menemui para pemimpin utama kerajaan dan perniagaan.

Semasa di sini, beliau mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin, dan juga para pegawai Majlis Tindakan Ekonomi Negara.

Pada Januari-Mei 1999, produk elektrik dan elektronik menyumbang kepada 57.3 peratus pendapatan eksport dengan nilai RM69.2 bilion, dengan litar bersepadu merangkumi item terbesar dalam kategori ini.

Beliau juga mengulas mengenai kelemahan ekonomi di mana beliau berkata Malaysia tidak lagi boleh bersaing atas asas buruh yang murah dan negara ini juga seharusnya tidak cuba bersaing dengan China, India atau Pakistan, tetapi memajukan kemahiran teknologi.

"Saya tahu kerajaan melaksanakan usaha untuk meningkatkan program latihan dan peluang pendidikan dalam new teknologi, dan pembukaan Koridor Raya Multimedia adalah tanda yang amat memberangsangkan.

"Saya fikir, ia adalah jenis kepelbagaian yang penting," kata Prestowitz yang pernah menjadi timbalan penolong setiausaha perdagangan, pemangku penolong setiausaha perdagangan dan penasihat kepada setiausaha perdagangan antara 1981 dan 1986.

Mengenai kawalan modal, Prestowitz berkata beliau "terkejut bahawa banyak negara tidak menimbang dengan segera kawalan modal terhad apabila krisis ekonomi merebak."

Sambil menyifatkan dirinya kepada penyokong kawalan modal terhad, beliau berkata: "Saya simpati dengan langkah-langkah yang Malaysia ambil yang dikritik oleh Tabung Kewangan Antarabangsa dan banyak ahli ekonomi terkemuka.

"Tetapi saya fikir pengalaman masa kini menunjukkan bahawa Malaysia sedang pulih dan jelas kawalan modal tidak membahayakan dan mungkin menyumbang kepada ekonomi," katanya.

Beliau juga berkata ekonomi-ekonomi Asia seperti Korea Selatan dan Thailand sedang pulih dari krisis ekonomi, Malaysia adalah jauh lebih baik walaupun masih ada lagi ruang untuk terus maju.

Mengenai peraturan dan prosedur kewangan global, Prestowitz yakin bahawa "peraturan dan prosedur kewangan global akan mengalami tempoh penyelarasan (tetapi) saya tidak jangka akan ada aturan baru."

Bagaimanapun, katanya "terdapat beberapa langkah yang diambil oleh kedua-dua peringkat antarabangsa dan kebangsaan bagi menghasilkan ketelusan, mengawal selia dan mendisiplin dana lindungan.... saya fikir ia akan berterusan."

"Adalah penting kita mengadakan peraturan dan prosedur baru antarabangsa yang tegas bagi memastikan urusaniaga dibuat pada asas prinsip-prinsip pasaran," katanya.

Prestowitz berkata prosedur untuk menghasilkan struktur kewangan ekonomi antarabangsa yang lebih tegap telah dibincang di mesyuarat Bank Penjelasan Antarabangsa di Shanghai baru-baru ini.

"Tetapi saya fikir kita harus realistik, kita tidak boleh menggantung dagangan (matawang), (tetapi) kita boleh cuba mengadakan mekanisma untuk menangani masalah yang dihadapi dulu." -- BERNAMA

MR/ZMY JR